

# UMS semai jiwa kepimpinan pelajar baharu

UB 18.10.2023 P.06

**KOTA KINABALU:** Program Youth Leadership Summit (YLS) 2023 anjuran Kelab YOSH Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu menyemai jiwa kepimpinan pelajar baharu di universiti berkenaan.

Pengarah Program YLS 2023, Ahmad Fauzi Jamaluddin, berkata salah satu yang menarik tentang program itu adalah peserta dilatih untuk memimpin perbincangan dan mengemukakan idea dalam kumpulan.

“Mereka diajar bagaimana merancang program di bawah bidang minat masing-masing yang akan dilaksanakan sepanjang tahun.

“Mereka turut diberi peluang memilih antara dua

fokus utama yang dijelaskan oleh Kelab YOSH UMS, iaitu Bahagian Kesukarelawanan dan Pendidikan,” jelasnya.

Ahmad berkata, peserta diberi kebebasan memilih bidang fokus yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka.

“Melalui pelbagai aktiviti, bengkel dan sesi pembentangan oleh pembicara berpengalaman, peserta dapat meningkatkan kemahiran kepimpinan, kerjasama pasukan, penyelesaian masalah,

dan komunikasi,” katanya.

Tambah beliau, mereka mengadakan lawatan ke “Annur Alternative School” Kampung Abab, berhampiran UMS untuk melatih mahasiswa berkomunikasi khususnya dengan masyarakat setempat.

“Antara aktiviti yang dilakukan adalah “Projek 3M” yang mana pelajar akan mengajar anak-anak daripada golongan asnaf untuk membaca, mengira dan menulis,” katanya.

Sementara itu, seorang peserta program, Farah Nabiullah Izzati, menyifatkan program itu memberi pengalaman yang sangat tidak ternilai melalui aktiviti yang memberi impak positif pada

sahsiah dan insaniah diri.

“Melalui program ini juga, saya dapat memupuk lagi bakat kepimpinan sebagai nilai tambah dalam diri saya, sekaligus mampu berkenalan dengan rakan sekeliling,” katanya.

Seramai 30 pelajar baharu UMS yang mewakili pelbagai latar belakang bidang pengajian di UMS menyertai program YLS selama dua hari itu.

Pada hari terakhir program, turut berlangsung majlis penutupan program yang dirasmikan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UMS selaku penasihat II Kelab YOSH UMS, Dr. Razak Mohd Ali Lee.



**ALBUM:** Peserta YSL 2023 bergambar selepas menyertai program di Kampung Abab bersama komuniti setempat.